



Kerjasama berpasukan sangat diperlukan ketika mendayung.

# TENANGNYA BERCUTI DI GOPENG

Seronoknya jika sekali-sekala dapat keluar dari bandar untuk menghirup udara segar di hutan. Lagi seronok jika dapat masuk ke dusun untuk mencari buah durian yang gugur. Otak ligat memikirkan destinasi hijau yang sesuai, tidak jauh dari Kuala Lumpur dan ada elemen sungai, kampung serta aktiviti lasak.

Oleh Azli K



Penginapan di Natasya Riverside Gopeng.

Pastinya penggemar destinasi ekopelancongan seperti saya mengimpikan pengalaman manis dan percutian ala kampung sedemikian. Akhirnya, atas cadangan rakan baik penulis, Gopeng menjadi pilihan kami untuk percutian singkat bersama-sama keluarga tersayang. Gopeng dipilih kerana jaraknya yang dekat dengan Kuala Lumpur, iaitu hanya dua jam pemanduan menggunakan kereta. Jaringan Lebuhraya Utara Selatan memudahkan warga kota menghirup udara lebih segar dan tenang di Kampung Jahang, Gopeng.

Jangan salah sangka, pergi bercuti tidak semestinya ke tempat mewah dan Natasya Riverside Resort Gopeng menjadi pilihan kami. Cukup mudah untuk mencari lokasi resort ini. Dari persimpangan keluar Tol Gopeng, penulis hanya perlu memandu tidak sampai 30 minit untuk tiba di resort yang terletak di dalam Kampung Jahang. Kelihatan pokok-pokok durian di sepanjang laluan masuk ke resort ini. Terdapat beberapa lagi buah resort atau inap desa yang boleh dipilih jika anda ingin bercuti di Gopeng. Kami memilih Natasya Riverside



Ruang tamu yang selesa.

Resort Gopeng kerana resort ini mempunyai kemudahan yang lengkap dan selesa untuk kami seisi keluarga.

Terdapat tiga jenis penginapan yang boleh dipilih. Tetamu boleh memilih untuk menginap di chalet kabin, chalet kayu atau penginapan terbaharu, iaitu karavan. Bagi yang datang dengan

keluarga lebih sesuai memilih untuk menginap di chalet kayu yang lebih besar dan selesa. Setiap chalet kayu dilengkapi dengan sebuah katil bersaiz queen, satu katil bujang dan sofa. Semua bilik dilengkapi dengan penghawa dingin dan televisyen. Sayang sekali kerana ketika tiba di sini, musim buah sudah pun habis. Kalau tidak, mungkin kami boleh menikmati buah-buahan seperti durian atau rambutan. Kawasan di dalam resort agak bersih dan kemas. Anak-anak bebas bermain di pekarangan hotel.

Terdapat sebuah dewan makan untuk para tetamu yang mengambil pakej penuh.

Selain itu, ada sebuah anak sungai betul-betul di belakang resort ini. Kawasannya juga agak lapang. Buat mereka yang ingin berkhemah, mereka boleh menghubungi pihak pengurusan Natasya Riverside Resort Gopeng. Cukup tenang! Itulah yang dapat penulis katakan ketika berada di sini. Usai mendaftar masuk dan berehat, masa yang ada tidak dilepaskan begitu sahaja. Kami mandi-manda di dalam sungai. Airnya bukan sahaja cetek, malah begitu jernih. Cuma anda perlu berhati-hati kerana batu-batu di dalam sungai agak licin dan kadangkala arus sungai ini agak deras jika selepas hujan. Pastikan anak-anak anda sentiasa berada di bawah pengawasan untuk memastikan keselamatan mereka.

turut menyediakan aktiviti lain seperti *waterfall absailing*, eksplorasi gua tempurung, *river tubing*, *sunset hiking* dan yang terbaharu ialah sukan bermotor ATV.

Seawal pukul 9.00 pagi selepas bersarapan, pasukan Radak Adventure tiba di resort untuk mengambil kami bagi memulakan aktiviti white water rafting. Aktiviti ini biasanya akan mengambil masa antara dua hingga tiga jam. Dengan menggunakan lori, kami dibawa ke lokasi permulaan. Yang menariknya, anak-anak kecil yang berusia antara tujuh hingga lapan tahun juga berpeluang



Karavan yang boleh disewa.



Pengunjung juga boleh berkhemah di Radak Adventure.

Kalau namanya bercuti di Gopeng, tidak sah jika anda tidak mencuba aktiviti *white water rafting* (sukan berakit getah). Penulis memilih untuk melakukan aktiviti ini dengan Radak Adventure. Menurut Mohd Hasrol Khamis atau lebih dikenali sebagai Rioq, Radak Adventure sudah berpengalaman lebih daripada 15 tahun dalam mengendalikan aktiviti ini dan *tubing* di Sungai Kampar. Radak Adventure bermula pada tahun 2001 dengan menumpukan kepada aktiviti mendaki gunung, namun pada tahun 2004, bermulalah episod baharu aktiviti *white water rafting* di Gopeng. Selain itu, Radak Adventure

melakukan aktiviti ini. Usah bimbang kerana laluan untuk anak-anak kecil ini berbeza daripada laluan dewasa. Sebelum bermulanya aktiviti ini, jurupandu yang berpengalaman akan memberikan taklimat keselamatan dan cara untuk mengendalikan rakit. Antara peralatan yang diperlukan termasuklah *self-bailing raft* (bot), helmet, bantuan apungan dan pendayung.

Sungai Kampar juga amat sesuai untuk permulaan sukan lasak *white water rafting* kerana mempunyai cabaran jeram tahap satu hingga tahap empat sahaja. Tahap cabaran jeram yang paling ekstrem ialah tahap lima dan

tahap enam. Sepanjang lokasi berakit, anda boleh terjun di jeram atau mandi di sungai. Pokok yang banyak di sepanjang sungai membuatkan keadaan sungai menjadi redup, membolehkan anda melakukan aktiviti ini dengan seronok. Aktiviti ini juga mengajar kita erti kerjasama dan keberanian. Air Sungai Kampar yang jernih dan menyejukkan ini menjadi aktiviti berakit di sini cukup popular. Usah risau tentang keselamatan diri kerana jika anda menuruti segala yang diarahkan oleh jurupandu, anda pasti selamat.

Pengalaman mendayung dan merentasi jeram dan arus yang deras cukup membolehkan. Hampir tiga jam kami bertarung dengan arus dan hal tersebut membuatkan perut berasa lapar. Menu istimewa, Nasi Ayam Tauge menunggu kami sebaik-baik sahaja tamat cabaran ekstrem ini. Sebelum pulang, kami sempat singgah di tepi Jalan Besar Gopeng – Ipoh untuk makan durian kampung. Pertama kali dalam hidup, saya dapat mencuba makan durian susu. Rasanya berlemak, seakan-akan ais krim durian yang dijual di kedai. Tercapai juga hasrat untuk makan durian walaupun sudah di penghujung musim. Jika anda masih mencari-cari lokasi untuk bercuti dengan keluarga, Gopeng ialah pilihan yang tepat. **DS**



Aktiviti waterfall abseiling.



Aktiviti tubing.



Selepas aktiviti rafting, pengunjung boleh berehat di sini.